



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

KOD KURSUS : DPP 2093

PEPERIKSAAN : MEI 2017

MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Undang-undang 'X' bukan bersumber dari Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri dan Perundangan Subsidiari. Apakah Undang-undang 'X'?
 - A. Undang-undang bertulis
 - B. Undang-undang tidak bertulis
 - C. Undang-undang berkanun
 - D. Undang-undang tidak berkanun

2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Common Law'?
 - A. Adat dan amalan biasa diamalkan oleh penduduk England untuk dijadikan asas perundangan
 - B. Prinsip-prinsip keadilan yang digunakan untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian
 - C. Adat yang boleh dipinda dengan kehendak masyarakat
 - D. Prinsip-prinsip keadilan yang digunakan di luar England

3. Keputusan mahkamah diterima sebagai sumber undang-undang tidak bertulis hanya terhadap keputusan yang dibuat oleh hakim di mahkamah seperti berikut **KECUALI**
 - A. Majistret
 - B. Mahkamah Persekutuan
 - C. Mahkamah Rayuan
 - D. Mahkamah Tinggi

4. **Mahkamah ini boleh menjatuhkan hukuman mati serta berkuasa mendengar rayuan kes sivil dan jenayah**

Apakah mahkamah yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas?

- A. Majistret
 - B. Mahkamah Seksyen
 - C. Mahkamah Penghulu
 - D. Mahkamah Tinggi
5. Undang-undang yang dibuat dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dikenali sebagai
- A. Akta
 - B. Enakmen
 - C. Ordinan
 - D. Undang-undang kecil
6. Apakah 'tawaran' di dalam kes *Carlill v Carbolic Smoke Ball Co*?
- A. Ubat untuk menghalang selsema
 - B. Peluang untuk Carlill untuk menggunakan produk
 - C. \$100 untuk sesiapa yang masih selsema selepas menggunakan produk
 - D. \$1000 yang telah didepositkan dengan Alliance Bank oleh syarikat tersebut
7. Apakah kesan tawaran balas?
- A. Tawaran asal dikira sebagai diterima
 - B. Tawaran asal diratifikasi
 - C. Tawaran asal tidak boleh lagi diterima
 - D. Tawaran asal kekal tanpa apa-apa perubahan

8. Situasi manakah yang menggambarkan tentang balasan lampau?
- A. Bob mengiklankan tentang kehilangan beg tangannya dan tawaran sebanyak RM100. Selepas membaca iklan, Niza menjumpai beg tangan Bob dan memulangkannya kepada Bob
 - B. Linda menyelamatkan Azie ketika hampir lemas di Sungai semasa mereka berkelah. Kemudian Azie berjanji untuk memberi RM50 sebagai balasan keberanian Linda
 - C. Ramli berjanji menjual keretanya kepada Karie dengan harga RM15,000. Karie bersetuju untuk membeli kereta itu secara tunai
 - D. Kim berstuju secara lisan untuk memindahmilik hak milik tanah kepada Swee dengan harga RM1.
9. Kes apakah yang membuktikan perjanjian domestik boleh menjadi perjanjian yang mengikat?
- A. *Merrit v Merrit*
 - B. *Balfour v Balfour*
 - C. *Mohori Bibee v Dhurmondas Ghose*
 - D. *Tan Hee Juan v The Boon Keat*
10. Apakah Seksyen di bawah Akta Kontrak 1950 yang relevan menerangkan hanya pihak-pihak yang mempunyai keupayaan sahaja boleh memasuki kontrak?
- A. Seksyen 10 (1)
 - B. Seksyen 11
 - C. Seksyen 12
 - D. Seksyen 13

11. Peah bersetuju untuk menjual 'seratus tan minyak' kepada Wak dengan harga RM500. Apakah kesan kontrak antara Peah dan Wak?
- A. Kontrak batal kerana balasan tidak mencukupi
 - B. Kontrak batal kerana tidak ada ketentuan
 - C. Kontrak batal kerana dibuat secara oral
 - D. Kontrak menjadi sah
12. Faktor yang manakah yang membuatkan kontrak menjadi batal?
- A. Salahnyata
 - B. Tipuan
 - C. Khilaf
 - D. Paksaan
13. Cara-cara melepaskan sesuatu kontrak adalah
- i. Pelaksanaan kontrak
 - ii. Persetujuan pihak-pihak kontrak
 - iii. Kemungkiran kontrak
 - iv. Ratifikasi
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv
14. Akta manakah yang menyenaraikan Injunksi sebagai satu remedi?
- A. Akta Kontrak 1950
 - B. Akta Relif Spesifik 1950
 - C. Akta Injunksi 1950
 - D. Akta Syarikat 1950

SULIT

15. Berikut adalah contoh-contoh remedi untuk pelanggaran kontrak **KECUALI**

- A. Gantirugi
- B. Injungsi
- C. Pelaksanaan Spesifik
- D. Ratifikasi

16. Cara-cara mewujudkan ejensi ialah

- I. Perjanjian nyata
- ii. Pelantikan tersirat
- iii. Keperluan
- iv. Estoppel

- A. I, ii dan iv
- B. I dan iv
- C. I, ii dan iii
- D. Semua di atas

17. Bentuk-bentuk hubungan jurubank dan pelanggan adalah

- i. Penghutang dan pemiutang
- ii. Ejen dan prinsipal
- iii. Pengedar dan penyewa
- iv. Hubungan fidusiari

- A. I, ii dan iv
- B. I, iii dan iv
- C. I, ii dan iv
- D. Semua di atas

SULIT

18. Agen tidak boleh mewakilkan tugas kepada orang lain **KECUALI**
- A. Prinsipal memberikan persetujuan
 - B. Timbul kecemasan yang munasabah
 - C. Tugas tersebut semata-mata adalah tugas pengurusan
 - D. Agen sibuk dan tidak dapat menjalankan tugas seperti diminta oleh Prinsipal

19.

- | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none">- Stok- Saham- Tanaman hidup- Rumput |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah kategori barang-barang di atas?

- A. Harta alih
 - B. Harta boleh alih
 - C. *Uberimae Fidae*
 - D. *Nemo Dat*
20. Apakah yang dimaksudkan dengan *Caveat Emptor*?
- A. Pembeli harus berjaga-jaga
 - B. Pembeli harus memohon caveat
 - C. Tiada siapa yang boleh memberi hak yang bukan dia miliki
 - D. Penjual mestilah tuan kepada barang yang dijual.
21. Apakah yang dimaksudkan dengan perjanjian sewa beli di Malaysia
- A. Sewa beli kereta
 - B. Perjanjian membeli barangan secara hutang
 - C. Aktiviti menyewa barangan dengan opsi untuk membeli barangan tersebut
 - D. Aktiviti menyewa barangan tanpa opsi untuk membeli barangan tersebut

SULIT

22. Mengikut Seksyen 4 (1) Akta Sewa Beli, perjanjian sewa beli mesti mengandungi maklumat seperti berikut
- deposit minimum
 - caj lewat bayar
 - pengiraan jumlah yang perlu dibayar
 - alamat kenderaan biasanya disimpan
- A. I dan II
B. I, II, dan IV
C. II, III dan IV
D. Semua di atas
23. Berikut adalah ciri-ciri cek **KECUALI**
- ia adalah arahan bersyarat
 - ia ditandatangani penyuruh bayar
 - ia dikeluarkan kepada pihak bank
 - ia dikeluarkan dengan sokongan penerima
24. Apakah tujuan pemalangan cek?
- Supaya cek lebih bernilai
 - Untuk menunjukkan cek itu istimewa
 - Untuk mengelakkan penipuan
 - Untuk cek itu menjadi sah
25. Cek 'X' terdapat dua garisan selari melintang di atasnya. Apakah jenis pemalangan pada Cek 'X'?
- Pemalangan Am
 - Pemalangan Khas
 - Pemalangan 'Akaun Penerima Sahaja'
 - Pemalangan 'Tidak Boleh Niaga'

[25 MARKAH]

SULIT

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Aidil telah menghadiri jamuan sambutan hari jadi rakan baiknya, Alvin dan dalam perjalanan pulang, Aidil telah kehilangan beg yang mengandungi dokumen pengenalan diri dan wang berjumlah RM150, 000. Secara kebetulan, Wafi telah terjumpa beg tersebut dan telah memulangkannya kepada Aidil. Aidil kemudiannya berjanji akan memberi saguhati sebanyak RM5000 kepada Wafi. Malangnya Aidil tidak menunaikan janji tersebut.

Nasihatkan Wafi menurut undang-undang kontrak.

(25 markah)

SOALAN 2

- (a) Jelaskan **EMPAT (4)** cara untuk melepaskan kontrak. **(12 markah)**
- (b) Terangkan **DUA (2)** contoh remedi bagi kemungkiran kontrak **(13 markah)**

SOALAN 3

Bincangkan mengenai ejensi secara pengesahan atau ratifikasi. **(25 markah)**

SOALAN 4

Shahrul ingin membeli motor berkuasa tinggi secara sewa beli. Shahrul ingin tahu jika ada apa-apa formaliti yang perlu diikuti supaya perjanjian sewabeli menjadi sah dan boleh dikuatkuasakan. Nasihatkan Shahrul tentang formaliti yang dimaksudkan. .

(25 markah)

SOALAN 5

Bincangkan tentang prinsip '**Nemo Dat Quod Non Habet**' dan **EMPAT (4)** pengecualian prinsip tersebut.

(25 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

